



## Tong sampah pintar berkuasa solar

# MBMB selari agenda bandar pintar



Nur Alya Atiqah

### BANDARAYA MELAKA

- Inisiatif mewujudkan tong sampah pintar berkuasa solar atau 'Solar-Powered Smart Bin' yang diperkenalkan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dilihat selari dengan agenda pembangunan bandar pintar (Smart City) di peringkat antarabangsa.

Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Wira Dr. M Noor Azman Taib berkata, pendekatan itu merupakan antara usaha mengekalkan kebersihan Bandaraya Melaka pada tahap yang lebih tinggi.

Menurutnya, sebanyak 85 indikator telah diperkenalkan di bawah Pelan Malaysia KPKT dalam usaha membangunkan bandar pintar, dan sebahagian besar daripadanya telah berjaya dicapai oleh Melaka, khususnya di bawah kawasan MBMB.

"Smart Bin ini merupakan salah satu elemen dalam memastikan kebersihan berada pada tahap tinggi, selain menyokong aspek keselamatan dan pengurusan bandar yang lebih sistematik.

"Kami lihat pelbagai inisiatif lain turut diperkenalkan di kawasan ini termasuk elemen 'Safe City' seperti pemasangan kamera litar tertutup (CCTV), sistem pemanitaan serta kemudahan kecemasan," katanya pada sidang media selepas Majlis Penyempurnaan Penggunaan Solar-Powered Smart Bin Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah di Perkarangan Stadthuys, Banda Hilir, di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Datuk Bandar MBMB, Datuk Shadan Othman; ketua-ketua jabatan dan agensi serta lain-lain kenamaan.

Mengulas lanjut, Dr. M Noor Azman turut menyokong agar penggunaan tenaga solar bagi 'Smart Bin' tersebut diperluaskan ke ka-

wasan bandar lain.

"Kami menggalakkan penggunaan tenaga solar dan saya yakin perkara ini merupakan satu inisiatif yang baik kerana ia secara tidak langsung dapat menjimatkan penggunaan tenaga serta mengurangkan kos operasi berbanding penggunaan elektrik konvensional," ujarnya.

Sementara itu, Shadan memaklumkan, sebanyak tujuh unit tong sampah pintar berkuasa solar itu ditempatkan di lokasi tumpuan sekitar Bandaraya Melaka.

Menurut beliau, tong sampah itu merupakan hasil inovasi anggotanya yang diperkenalkan sebagai penyelesaian pintar bagi memastikan kebersihan kawasan bandar dan lokasi tumpuan pelancong sentiasa terjaga.

"Tujuan utama 'Smart Bin' ini adalah untuk memastikan kawasan sekitar, khususnya di bandaraya yang juga kawasan pelancongan berada dalam keadaan betul-



DR. M Noor Azman diiringi Shadan dan kenamaan bergambar pada Majlis Penyempurnaan Penggunaan Solar-Powered Smart Bin di Perkarangan Stadthuys, Banda Hilir. Foto MBMB

betul bersih.

"Sebelum ini, penggunaan tong sampah secara konvensional sering mene-

rima aduan berkaitan sampah berselerak dan sebagainya. Jadi dengan adanya 'Smart Bin', isu ini dapat di-

selesaikan dan seterusnya memastikan Bandaraya Melaka kekal bersih dan ceria," katanya.